

19/05/2001

Ketepi sistem kuota elak politik wang

Tuan Ismail Tuan Soh

PEMILIHAN bagi jawatan parti pada peringkat cawangan dan bahagian boleh dianggap sudah selesai, kecuali ada beberapa kes tertentu.

Berita yang agak menggemparkan ialah enam pemimpin Umno, termasuk tiga ketua bahagian, telah digantung kerana didapati bersalah mengamalkan politik wang. Tindakan tegas ini harus dipuji melangit, tetapi apakah ia membantu untuk menyatupadukan ahli Umno?

Atau adakah ia akan sekurang-kurangnya menaikkan imej Umno? Apakah parti politik lain tidak mengamalkan politik wang ketika merebut jawatan parti? Dan khususnya bagi Umno, kenapakah politik wang begitu sekali ketara serta menyerlah pada akhir-akhir ini?

Melalui sistem yang diamalkan sekarang, seseorang calon yang ingin bertanding jawatan ketua bahagian memerlukan pencalonan minimum sebanyak 20 peratus daripada cawangan dalam bahagian itu.

Sementara bagi jawatan timbalan ketua bahagian, ketua Pemuda dan ketua Wanita pula, jumlah pencalonan minimum yang diperlukan masing-masing adalah sebanyak 15 peratus daripada cawangan.

Bagi jawatan naib ketua bahagian, naib ketua Pemuda dan naib ketua Wanita, seseorang bakal calon perlu memperoleh minimum 10 peratus pencalonan.

Seingat penulis, sistem kuota telah diperkenalkan dalam pemilihan Umno ketika Tengku Razaleigh berada di luar Umno (selepas 1987).

Orang yang bertanggungjawab, penulis difahamkan, merumus sistem kuota dengan beserta undi bonus ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba.

Akibat amalan sistem kuota beserta undi bonus, beliau sendiri kecundang kepada bekas Menteri Kewangan tanpa bertanding.

Ini kerana pada saat akhir, secara tiba-tiba Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat pencalonan bahagian yang lebih banyak kalau dibandingkan dengan pencalonan bahagian untuk Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden Umno.

Pada pemilihan tahun itulah, bermulanya politik wang yang berleluasa sehingga hangat diperkatakan dalam perhimpunan agung Umno pada tahun berkenaan.

Timbul pelbagai cerita lucu bagaimana rezeki datang tanpa dicari sehingga seseorang perwakilan terpaksa menolak hadiah kerana kesuntukan tempat untuk disimpan.

Untuk memastikan tragedi politik yang menimpa Tun Ghafar Baba itu tidak berulang, pada tahun perhimpunan agung Umno yang berikutnya, siang-siang lagi diisytiharkan jawatan Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno tidak akan dipertandingkan dan tiada undi bonus bagi pencalonan daripada bahagian. Amalan ini diteruskan sehingga sekarang.

Amalan ini diterima pakai tanpa banyak soal sehinggalah muncul ribut politik oleh kerenah Datuk Fauzi Abdul Rahman, wakil rakyat Beserah, Pahang.

Ini akibat beliau telah awal-awal lagi tidak dapat mempertahankan jawatan Ketua Bahagian yang sedang disandangnya.

Beliau telah lucut kelayakan untuk bertanding kerana gagal mendapat jumlah pencalonan bahagian sebagaimana ditentukan dalam amalan sistem kuota sekarang.

Akibatnya, beliau mengugut akan meletak jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah dan sekali gus membuat aduan mengenai ada amalan politik wang yang telah menyebabkan beliau hilang kelayakan untuk

bertanding serta mempertahankan jawatan beliau sebagai Ketua Bahagian.

Daripada rentetan pemilihan dan pertandingan jawatan dalam parti yang berlaku semenjak zaman Tun Ghafar sehinggalah ke zaman sekarang, politik wang masih lagi kedengaran dan menjadi masalah kepada parti.

Dijangka fenomena ini akan terus wujud sekiranya sistem kuota untuk menjadi calon dikekalkan.

Ini kemungkinan besar boleh berlaku kerana calon yang ingin bertanding awal-awal lagi diberi peluang untuk mengatur strategi supaya pihak lawan akan hilang hak untuk bertanding dan mengaku kalah secara TKO (technical knocked out).

Dalam dunia demokrasi tulen, sepatutnya setiap orang mempunyai hak yang sama rata untuk bertanding sebarang jawatan tanpa tertakluk kepada sebarang syarat.

Ini kerana sistem demokrasi yang dipopularkan Amerika Syarikat membawa pengertian kuasa rakyat. Perkataan demokrasi adalah berasal daripada bahasa Yunani iaitu kratos bermaksud kuasa sementara demos bermaksud rakyat.

Tetapi demokrasi bukanlah sesuatu yang cukup sempurna kerana ia juga mempunyai cacat-celanya kalau tidak dikawal selia dengan sopan.

Sebenarnya dalam konteks Malaysia, demokrasi ialah kuasa majoriti rakyat yang diberi hak memilih. Ini kerana di Malaysia, ada rakyat yang tidak pernah pun mengundi. Keadaan ini berlaku kerana rakyat Malaysia tidak diwajibkan mengundi pada pilihan raya. Justeru, perkataan majoriti lebih tepat diguna pakai daripada perkataan demokrasi.

Walau apapun variasi tafsiran yang boleh kita huraikan mengenai demokrasi, penulis berpendapat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad harus benar-benar mengambil kira mengenai semangat dan amalan demokrasi yang wujud dalam Umno sekarang.

Ini kerana ia tidak selari dengan amalan demokrasi yang diamalkan dalam sebarang organisasi bukan kerajaan juga tidak selari dengan amalan demokrasi yang diamalkan oleh parti politik di dalam negara mahu pun di luar negara.

Penulis berpendapat dunia demokrasi adalah sebuah dunia yang setiap warganya boleh bertanding sebarang jawatan tanpa syarat dan dipilih oleh ahli secara rahsia tanpa sebarang dorongan atau tekanan daripada pihak lain.

Kalaulah seseorang calon yang bertanding itu tahu siapa yang memilihnya atau siapa yang tidak memilihnya, itu bukan pemilihan secara demokrasi lagi.

Secara mudah, Umno harus ikut sajalah amalan pemilihan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang membenarkan setiap orang bertanding sekiranya ada seorang pencadang dan seorang penyokong tanpa mengenakan sebarang kuota pencalonan terlebih dulu dan tiada calon yang menang atau kalah tahu siapa yang memilih siapa.

Hanya dengan amalan pemilihan secara demokrasi sajalah penulis berkeyakinan politik wang akan berkurangan dan tiada lagi ahli Umno yang mengamuk kerana dikalahkan secara TKO, sekali gus, Umno tidak akan terus terluka pada setiap kali diadakan pemilihan.